

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2011/2012

Januari 2012

**YFP 321 – Kajian Televisyen**

Masa: 3 jam

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan.

Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Faktor-faktor politik dan ekonomi berperanan dalam menentukan kandungan televisyen. Jelaskan kenyataan ini dengan merujuk kepada corak pelaporan berita televisyen berserta contoh-contoh yang relevan.
2. Soap opera/telenovela adalah salah sebuah genre popular di televisyen. Merujuk kepada dua (2) contoh berkaitan, jelaskan tema dan aspek representasi wanita dalam program tersebut.
3. Sitkom harus dilihat sebagai genre yang menghidangkan hiburan semata-mata. Nilaikan kenyataan ini dengan contoh-contoh yang relevan.
4. Unsur-unsur seks dan keganasan di televisyen berupaya memberikan kesan langsung kepada umum. Jelaskan kenyataan ini dengan merujuk kepada pendekatan-pendekatan mengenai kuasa televisyen ke atas audien.
5. Perkembangan teknologi bidang penyiaran boleh dianggap sebagai satu fenomena positif dan menguntungkan penonton. Berdasarkan contoh-contoh yang konkret bincangkan kenyataan ini.